NAMA : _____ KELAS: _____

BAHASA MELAYU TAHUN 6

LATIHAN KATA ADJEKTIF DAN KATA PENGUAT

Arahan : Lengkapkan cerita di bawah dengan jawapan yang betul.

samar-samar panas dingin hitam sungguh cemas amat
gelap-gelita cukup kencang lebat sekali sangat terang
sekali amat sakit pulih gembira.

Bahaya Ribut Petir

Angin malam yang _____ menderu masuk menerusi tingkap yang terbuka. Sarmeela yang sedang berbaring di atas katil bingkas bangun kerana mahu menutup tingkap biliknya. Sewaktu mahu menarik daun tingkap yang terkuak, Sarmeela sempat mendongak ke langit.

Dalam _____ cahaya bulan, kelihatan awan _____ kumulonibus sedang berarakan. Sekali-sekala, panahan kilat menerangi suasana langit malam.

Setelah menutup tingkap, Sarmeela kembali ke katil lalu meneruskan pembacaannya.

Tum...tam... bunyi guruh yang _____ kuat berdentum-dentam. Serentak dengan itu, suasana di dalam bilik Sarmeela menjadi _____.

"Aduhai, bekalan elektrik terputus pula!" Sarmeela merungut sambil teraba-raba dalam kegelapan.

Sarmeela berasa_____ . Suasana di dalam biliknya sangat gelap dan _____ . Dada Sarmeela berombak kencang kerana dia berasa terlalu takut. Di luar, angin bertiup _____ . Hujan pula turun _____ .

Sekali-sekala, panahan kilat yang memancarkan cahaya yang _____ kelihatan di langit. Dalam keadaan teraba-raba, Sarmeela mengatur langkahnya. Langkahnya perlahan _____. Dia mahu mencari lampu suluh yang disimpan di dalam almarinya.

Semasa sedang berjalan, Sarmeela tersepak sesuatu yang sangat keras. Sarmeela terjatuh ke lantai. Dia berasa _____. Tiba-tiba, lampu biliknya bernyala semula. Suasana gelap bertukar menjadi terang. Bekalan elektrik telah _____ . Sarmeela berasa sungguh _____ .

LIVEWORKSHEETS